


KERJA SEBAGAI IBADAH



Apa Itu
Kerja Sebagai
Ibadah????



• Tugas atau tanggungjawab untuk meraih pendapatan & Keredhaan Allah

Kerja Dianggap Ibadah apabila : ...

• Mendapat balasan dalam bentuk material...

• Mendapat balasan Dalam bentuk Kepuasan...

• Mendapat pahala di akhirat kelak....

Nilai Utama Dalam Etika Kerja Sebagai Ibadah....

Amanah :

- Menggunakan masa dengan sebaik-baiknya dan menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan dan tidak menggunakan masa pejabat untuk urusan peribadi.
- Berdisiplin , mengawal diri dan tidak melakukan sesuatu yang boleh menghilangkan kepercayaan orang lain terhadap dirinya.

Benar :

- Mempunyai niat yang baik dan jujur dalam melakukan sesuatu pekerjaan, tanpa niat yang tersembunyi atau mengharapkan balasan.
- Memberikan atau menerima arahan yang jelas dan tepat serta tidak mengelirukan.

Bijaksana :

- Sentiasa berusaha menghasilkan kerja yang bermutu tinggi dan berkualiti
- Sentiasa mempertingkatkan ilmu, kepakaran dan profesionalisme.
- Menggunakan segala potensi, keupayaan dan kepakaran untuk menjayakan sesuatu tugas dengan cemerlang tidak mengambil jalan mudah.

Bersyukur

- Sentiasa menghargai anugerah dan nikmat yang diterima tanpa menganggap kejayaan sebagai hak.
- Bersedia memberikan pengiktirafan kepada mereka yang berjaya tanpa sebarang prasangka, berdendam atau menabur fitnah.
- Tenang menghadapi masalah dan redha menerima ketetapan, kegagalan dan ujian serta tidak berputus asa.
- Berpuas hati dengan nikmat yang diperolehi.

Dedikasi

- Bekerja tanpa rasa jemu dan bosan serta bersedia menerima tugas dengan tidak mencari helah.
- Sanggup berkorban masa dan tenaga demi kepentingan perkhidmatan.
- Menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan sabar, teliti dan ceria, tidak cuai atau merungut.
- Cergas dan pantas bekerja dan hasilnya menepati kehendak organisasi.
- Tekun dan rajin serta bersikap positif dalam melaksanakan tugas dan memastikan hasil kerja sentiasa berkualiti.

Ikhlas

- Berhati suci dalam melaksanakan tanggungjawab untuk menghasilkan kerja yang terbaik tanpa mengharapkan ganjaran.
- Menerima tanggungjawab dengan rela hati yang suci, tidak berpura-pura atau mengelak daripada tanggungjawab.
- Memberi layanan yang baik, tanpa mengira pangkat, status atau kedudukan dan tidak bersikap pilih kasih.
- Bersedia menerima teguran dan kritikan dengan hati dan fikiran yang terbuka.
- Saling hormat menghormati antara satu sama lain

Penyayang

- Perasaan dan perlakuan yang menunjukkan sikap memahami, menghargai dan mengambil berat.
- Bersifat pemaaf dan penyayang, tidak berdendam, sombong dan suka meninggi diri.
- Menganggap setiap orang mempunyai harga diri yang perlu dihormati tanpa sebarang prasangka buruk.
- Bertimbang rasa dan suka mengambil berat dalam melaksanakan tugas.
- Menjadikan organisasi sebagai sebuah keluarga besar yang penuh kemesraan.

RENUNG-RENUNGAN.....



Mudah-mudahan setiap pergerakan kita dari mula berdoa keluar rumah hingga kita pulang dikira sebagai ibadah dan amal soleh, rezeki yang diterima penuh keberkatan.